# PENGURUSAN DAN PERANAN BAITULMAL PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W. DAN PEMERINTAHAN KHULAFA AR-RASHIDIN

Muhammad Assyifaa Ulhayat bin Jahidin
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
assyifaa@kuipsas.edu.my

Mohamad Hilmi bin Mat Said
Universiti Malaysia Pahang
hilmi@ump.edu.my

**ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan tentang pengurusan Baitulmal pada Zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa ar-Rashidin. Perubahan pengurusan Baitulmal pada zaman tersebut dilihat berbeza mengikut situasi semasa. Ia diterjemahkan dengan pelbagai langkah diambil berdasarkan perkembangan semasa bagi memantapkan pengurusan kewangan negara. Konsep asal penubuhan Baitulmal jika dibandingkan dengan pengamalan zaman sekarang mempunyai perbezaan yang ketara. Dengan memperkukuhkan institusi Baitulmal, pelbagai masalah yang timbul akibat ketidakfahaman masyarakat dan juga pihak pengurusan menyebabkan fungsi Baitulmal itu menjadi jumud dan tidak proaktif dalam menyelesaikan masalah ummah. Perkara sebegini menyebabkan pengkaji cuba menyelongkar bagaimana pengamalan sebenar Baitulmal pada zaman Rasulullah dan para sahabat. Ini bertepatan dengan objektif kajian ini yang bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan perlaksanaan Baitulmal pada zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat dan sejauhmana pengurusan memberi impak kepada umat Islam ketika itu. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian pensejarahan. Data-data diperoleh melalui dokumen bertulis seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja dan temubual. Datadata disusun dan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati pengurusan Baitulmal melalui beberapa fasa perkembangan yang berbeza disebabkan perluasan wilayah negara Islam yang turut meningkatkan sumber kewangan. Kesannya, pengurusan Baitulmal perlu disesuaikan dengan perkembangannya bagi memastikan pengurusan berjalan dengan baik, teratur dan sistematik. Kajian ini diharap mampu meningkat kefahaman masyarakat dan institusi yang berkaitan dalam menambahbaik pengurusan Baitulmal sedia ada.

**KATA KUNCI**

Baitulmal, Zaman Rasulullah S.A.W. , Khulafa Ar-Rashidin

**RUJUKAN**


Abdullah Alwi. (2003). *Konsep dan Peranan Baitulmal Zaman Kegemilangan Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Rahman. (2003). *Undang-Undang Syariah*. (trj). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu al-Fida' alhafiz, Ibn Kathir. (1966). *Al-Bidayah wa al-Nihayah.* Beirut : T.pt.

Abu Bakr. (1328). *Bada'I al-Sana'i.* Kaherah : T.pt.

Abu Muhammad Abdullah. (1900). *'Uyun al-Akhbar*. Berlin : T.p.t.